

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 8 TAHUN 1978**

#### **DASAR MENGENAI TANAH-TANAH YANG BOLEH DIBERI LMS (TOL) MAKSUD-MAKSUD DAN KADAR BAYARANNYA**

---

---

Pekeling PTG. Kn. Bil. 2/71 mlarang Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengeluarkan Lesen Menduduki Sementara atas tanah-tanah Kerajaan yang boleh diberi milik. MMK yang bersidang pada 18hb Oktober 1978 setelah menimbang Kertas Bil 18/630/78, menjelaskan lagi kandungan Pekeling itu dengan membuat keputusan menentukan jenis-jenis tanah Kerajaan yang tidak boleh diberimilik (yakni yang boleh dikeluarkan LMS) maksud-maksud yang boleh LMS dikeluarkan dan kadar bayaran LMS yang hendaklah dikenakan bagi satu-satu maksud yang tersebut itu:

A) Jenis-jenis tanah yang boleh diberi LMS

1. Tanah rizab jalan
2. Tanah rizab sungai
3. Tanah rizab pantai
4. Sebarang tanah rizab yang telah diwartakan di bawah KTN atau Undang-undang Tanah yang terdahulu.
5. Tanah-tanah Tumbuh dan tanah pasir di tepi sungai
6. Tanah-tanah yang ada mengandungi bahan-bahan batuan
7. Tanah curam yang mengikut budibicara PHT, tidak boleh diberimilik.
8. Tanah yang terlampaui rendah seperti kolam dan sebagainya
9. Tanah yang telah ditanda/dicadang untuk kegunaan awam
10. Tanah rizab Kerajaan Persekutuan mengikut Article 166(4) Perlembagaan Malaysia.

- B) LMS boleh dikeluarkan bagi maksud-maksud yang berikut sahaja.
1. Untuk bercucuk tanam (selain daripada pokok-pokok yang kekal) seperti sayur-sayuran, padi, tembakau, kacang tanah dan pokok-pokok bunga.
  2. Untuk mendirikan bangunan-bangunan yang benar-benar berupa sementara. Walau bagaimanapun permohonan bagi maksud ini atas rizab jalan tidak boleh dipertimbangkan.
  3. Untuk mengutip hasil tanaman seperti kelapa, durian, petai dan susu getah.
  4. Untuk dijadikan tempat memelihara binatang-binatang seperti ikan, ayam-itik, lembu-kerbau, dan sebagainya.
  5. (a) untuk tempat pertunjukan awam yang bercorak “commercial” seperti sarkis.  
 (b) bagi pertunjukan kebudayaan seperti wayang kulit, berdikir barat, makyong dan sebagainya.
  6. Untuk mengambil bahan-bahan (seksyen 69 KTN)
  7. Untuk menjalankan perusahaan-perusahaan seperti batu-bata dan sebagainya. (Seksyen 69 KTN).
  8. Untuk tempat meletak kereta, atau papan-papan iklan.
  9. Untuk tempat meletak kayu balak dan kongsi.
- C) Bayaran LMS bagi maksud dalam Ruangan 1 hendaklah mengikut kadar dalam Ruangan 11 di bawah ini.

### **RUANGAN 1**

1. Untuk bercucuk tanam (selain daripada pokok-pokok yang kekal) seperti sayur-sayuran, padi, tembakau, kacang tanah dan pokok-pokok bunga.
2. Untuk mendirikan bangunan-bangunan yang benar-benar berupa sementara.
3. Untuk mengutip hasil tanaman seperti kelapa, durian, petai dan susu getah.
4. Untuk dijadikan tempat memelihara binatang-binatang

### **RUANGAN II**

- |  |                                    |
|--|------------------------------------|
| 2 kali ganda   | kadar yang terjadual dalam L.R.14. |
| 2 kali ganda daripada kadar yang terjadual dalam L.R.14. |                                    |
| 2 kali ganda daripada kadar yang terjadual dalam L.R.14. |                                    |
| 2 kali ganda daripada kadar yang terjadual               |                                    |

- seperti ikan, ayam-itik, lembu-kerbau dan sebagainya.
- dalam L.R.14.
- 5.(a) Untuk tempat pertunjukan awam yang bercorak “commercial” seperti sarkis. 3 atau 2 kali ganda daripada kadar yang terjadual dalam L.R.14.
- 5.(b) Bagi pertunjukan kebudayaan seperti wayang kulit, berdikir barat, makyong dan sebagainya. 2 kali ganda daripada kadar yang terjadual dalam L.R.14.
6. Untuk mengambil bahan-bahan batuan (Seksyen 69 KTN). 2 kali ganda daripada kadar yang terjadual dalam L.R.14.
7. Untuk menjalankan perusahaan-perusahaan seperti batu-bata dan sebagainya. (Seksyen 69 KTN) 2 kali ganda daripada kadar yang terjadual dalam L.R.14.
8. Untuk tempat meletak kereta, atau papan-papan iklan. 2 kali ganda daripada kadar yang terjadual dalam L.R.14.
9. Untuk tempat meletak kayu balak dan kongsi. 4 atau 5 kali ganda daripada kadar yang terjadual dalam L.R.14.
2. Dengan keluarnya Pekeliling ini keraguan tidak patut lagi timbul apabila Pemungut-pemungut Hasil Tanah menerima permohonan-permohonan untuk Lesen Meduduki Sementara dan ketika mengemukakan permohonan-permohonan itu untuk kelulusan YAB Menteri Besar.
3. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG. Kn. Bil 2/71.

t.t  
**(Hamzah bin Ahmad)**  
 Pengarah Tanah Dan Galian  
 Kelantan

**KEPADA:**

Semua Pemungut-Pemungut Hasil Tanah dan  
Penolong Pemungut Hasil Tanah  
Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri

YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

Semua Ketua-ketua Jajahan Kelantan

Juru Odit Negeri Kelantan

Pengarah Tadbir LKTN Kelantan

Pengarah Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN, KOTA BHARU.**

**FAIL:** PTG. (KN) BIL 1163/(135)

**KOTA BHARU:** 8HB NOVEMBER 1978